

07 JUL 2002

Umno-PAS

PAS PUTAR-BELITKAN FAKTA KERANA KETANDUSAN ISU, KATA MUSA

KOTA KINABALU, 7 Julai (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman berkata pemimpin parti pembangkang khususnya PAS kini sudah ketandusan isu dan hanya bersandarkan kepada kemahiran mereka memutar-belitkan fakta untuk meraih sokongan rakyat.

"Pemimpin PAS sudah kehilangan modal...mereka tidak ada perjuangan dan matlamat berbanding dengan Umno yang bukan sahaja diakui oleh rakyat kita tetapi pemimpin dunia.

"Apa yang mereka (PAS) tahu ialah hanya memaki-hamun pemimpin-pemimpin Umno yang ada pada hari ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus pidato umum Biro Penerangan Umno Sabah di Mimpiari Jadi Resort, Tuaran, kira-kira 50 kilometer dari sini hari ini.

Beliau mengulas penyiaran sedutan ceramah politik PAS di saluran Perdana RTM yang memaparkan tingkah laku anggota Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu, yang menghina pemimpin-pemimpin Umno.

Musa berkata perbuatan seumpama itu merupakan budaya politik yang tidak sihat dan oleh itu, Umno Sabah akan memperhebatkan kempen penerangan bagi menangkis dakwah-dakwah parti pembangkang.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau meminta pemimpin Umno peringkat akar umbi supaya tidak terikut-ikut memutar-belitkan fakta dalam ceramah politik mereka seperti yang sering digunakan oleh parti pembangkang.

"Sama ada kita sedar atau tidak, perpecahan yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu atau Bumiputera adalah kerana ada pihak yang memutar-belitkan fakta.

"Fakta palsu inilah yang kemudiannya menjadi isu politik kedai kopi yang cukup berpengaruh dan kita tidak mahu budaya politik seperti ini berlaku di kalangan masyarakat kita," katanya.

Musa berkata sudah tiba masanya Umno mempraktikkan budaya politik yang telus berdasarkan kepada kesedian berkhidmat untuk negara dan bangsa.

"Politik yang berteraskan kepada kepentingan peribadi semata-mata tidak akan bertahan lama," katanya.

Beliau turut meminta rakyat supaya tidak terpengaruh dengan dakwah pembangkang yang cuba mempertikaikan proses peralihan kuasa dalam parti dan kerajaan ekoran pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melepaskan jawatan dalam parti dan kerajaan pada Oktober tahun depan.

-- BERNAMA

NT NAK